



---

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 / 2018**

---

**SKIM PINJAMAN / PEMBIAYAAN KENDERAAN  
BAGI STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**15 Januari 2018**

Diedarkan kepada:

Semua Warga Staf

Universiti Sains Malaysia

**PB 2/2018: SKIM PINJAMAN / PEMBIAYAAN KENDERAAN BAGI STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kemudahan pinjaman / pembiayaan kenderaan kepada staf Universiti Sains Malaysia berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan WP9.2 Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis dan WP9.3 Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti Sains Malaysia mempunyai dua jenis Skim Pinjaman Kenderaan untuk staf- staf Universiti iaitu skim pinjaman kenderaan secara biasa atau konvensional dan skim pembiayaan kenderaan secara Islam, mengikut prinsip Al-Bai' Bithaman 'Ajil.
- 2.2 Pinjaman adalah bagi membeli kenderaan mengikut kelayakan dan kemampuan seseorang pegawai yang amat memerlukan kenderaan untuk menjalankan tugas rasminya dengan sempurna.

**3. TAFSIRAN**

- 3.1 Al-Bai' Bithaman 'Ajil bermaksud bererti jualan dengan harga tangguh atau jualan dengan bayaran ansuran iaitu menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke satu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur.

**4. SYARAT-SYARAT PINJAMAN / PEMBIAYAAN KENDERAAN**

- 4.1 Pinjaman / pembiayaan adalah layak dipertimbangkan kepada staf yang berjawatan tetap atau staf yang berkhidmat secara kontrak.

- 4.2 Pinjaman / pembiayaan kepada staf yang masih dalam tempoh percubaan atau staf yang berkhidmat secara kontrak 'Expatriate' hendaklah dijamin oleh dua (2) orang staf Universiti Sains Malaysia dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan yang setaraf atau lebih tinggi yang telah disahkan dalam jawatannya.
- 4.3 Pinjaman / pembiayaan boleh diberi kepada seseorang staf sekali sahaja dalam tempoh 5 tahun dengan syarat baki pinjaman terdahulu telah dibayar balik sepenuhnya.
- 4.4 Pengecualian di atas perkara 4.3 diberikan kepada staf yang telah mencapai umur 49 tahun dan ke atas, dengan syarat baki pinjaman yang ada diselesaikan sepenuhnya. (JTK-97 - Minit 1373).
- 4.5 Peminjam hendaklah membeli polisi insurans komprehensif untuk pinjaman secara biasa atau menyertai takaful kenderaan bagi pinjaman secara patuh syariah, bagi melindungi kenderaan itu di mana jumlah amaun perlindungannya pada setiap tahun hendaklah tidak kurang dari baki pinjaman yang masih ada, sehingga pinjaman selesai.
- 4.6 Peminjam tidak boleh menjual, memindah hakmilik atau menggadaikan kenderaan tersebut.
- 4.7 Pinjaman hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum seseorang staf itu bersara atau meninggalkan perkhidmatan, atau tamat tempoh kontraknya.
- 4.8 Baki pinjaman peminjam yang meninggal dunia bolehlah diselesaikan oleh waris si mati amnya atau dari hasil penjualan kenderaan, atau dituntut daripada penjaminnya.
- 4.9 Baki pinjaman peminjam yang bersara atau meletakkan jawatan atau meninggalkan perkhidmatan hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh meninggalkan perkhidmatan atau dari hasil penjualan kenderaan atau dituntut daripada penjaminnya.

## 4.10 Amaun pinjaman / pembiayaan maksimum

BIL.	PERKARA	HAD PINJAMAN (RM)
(i)	Untuk Membeli Kereta	
	(a) Jawatan-Jawatan Utama dan Jawatan-Jawatan Gred Khas	70,000.00
	(b) Kumpulan Pengurusan dan Profesional	65,000.00
	(c) Kumpulan Sokongan dan ke bawah	55,000.00
(ii)	Membeli Motosikal	10,000.00
(iii)	Membeli Motobot	4,000.00
(iv)	Membeli Enjin Motobot	3,500.00
(v)	Membeli Bot	700.00
(vi)	Membeli Basikal	500.00

4.11 Permohonan pinjaman untuk membeli kereta oleh seseorang pegawai yang bergaji kurang daripada RM1,620.00 sebulan hanya boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman Universiti (Kenderaan dan Komputer) dengan syarat:

- (i) Pegawai itu tidak dapat menjalankan tugas rasmi dengan cekapnya setiap hari tanpa menggunakan sebuah kenderaan sendiri, ataupun pegawai yang berkenaan telah disahkan oleh Lembaga Perubatan (Perintah Am Bab F) sebagai tidak boleh menunggang motosikal;
- (ii) Pegawai mempunyai lesen memandu yang sah;
- (iii) Jumlah ansuran potongan bulanan pinjaman kenderaan tidak boleh melebihi 1/3 daripada gaji pokok pegawai dan jumlah semua potongan termasuk potongan ansuran kenderaan yang ditanggung oleh pegawai tersebut tidak boleh melebihi 60% dari gaji pokok serta elaun-elaun;
- (iv) Jauh perjalannya kerana tugas rasmi adalah melebihi daripada 200 km tiap-tiap bulan, selama tiga (3) bulan berturut-turut; dan
- (v) Pegawai yang berkenaan telah diberi kelulusan untuk menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas C.

**5. TEMPOH PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN**

- 5.1 Kereta baru tidak melebihi 108 bulan;
- 5.2 Kereta yang sudah terpakai tidak melebihi 96 bulan (tertakluk kepada baki tempoh kenderaan berekonomi dan selamat dipakai dari segi mekanikal sebagaimana dinilaikan oleh Jurutera Kerja Raya Mekanikal);
- 5.3 Motosikal baru tidak melebihi 60 bulan;
- 5.4 Motosikal yang sudah terpakai tidak melebihi 48 bulan (tertakluk kepada baki tempoh kenderaan berekonomi dan selamat dipakai dari segi mekanikal sebagaimana dinilaikan oleh Jurutera Kerja Raya Mekanikal);
- 5.5 Motobot tidak melebihi 48 bulan;
- 5.6 Enjin motobot tidak melebihi 48 bulan;
- 5.7 Bot tidak melebihi 24 bulan; dan
- 5.8 Basikal tidak melebihi 20 bulan

Walau bagaimanapun, baki pinjaman boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan di atas.

**6. BAYARAN PERKHIDMATAN PINJAMAN**

- 6.1 Bayaran perkhidmatan sebanyak 4% setahun yang dikira atas baki bulan yang belum diselesaikan adalah dikenakan kepada peminjam melainkan pinjaman membeli bot dan basikal di mana dikecualikan daripada bayaran perkhidmatan.
- 6.2 Bayaran perkhidmatan sebanyak 10% setahun akan dikenakan ke atas ansuran-ansuran tertunggak sehingga diselesaikan.
- 6.3 Bayaran perkhidmatan tidak dikenakan ke atas baki pinjaman peminjam yang telah meninggal dunia.

## 7. KUAT KUASA

7.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

*‘Memastikan Kelestarian Hari Esok’*



(DR. ROHAYATI MOHD ISA)

Bendahari

15 Januari 2018

s.k Y. Bhg. Dato' Naib Canselor

Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor

Ketua Unit Audit Dalam